

03/05/2001

Bahasa jadi asas pembinaan negara

Datuk A Aziz Deraman

SEJAK lebih 30 tahun yang lalu, bermula dengan Dasar Ekonomi Baru (1970-1990), dan disusuli dengan Dasar Pembangunan Nasional (DPN), Malaysia telah mengalami kemajuan yang pesat.

Dalam arus pembangunan negara, kedudukan Bahasa Melayu turut dinyatakan dan ditegaskan oleh pemimpin dan penggubal dasar. Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) dalam Dasar Ekonomi untuk Pembangunan Negara (Depan) menegaskan bahawa kita memang sedar walaupun bahasa kebangsaan adalah faktor terpenting, tetapi masih perlu dibantu dengan faktor lain supaya dapat memainkan peranan yang berkesan dalam usaha mempertingkatkan perpaduan negara.

Persekitaran ekonomi, politik dan sosial mestilah selaras dengan usaha untuk menyatukan kalangan muda-mudi menerusi satu bahasa dalam satu sistem persekolahan.

Perkara yang sama disebut dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) 1991-2000, iaitu kerajaan akan terus memberikan penekanan kepada peningkatan Bahasa Malaysia, iaitu bahasa kebangsaan oleh semua rakyat Malaysia kerana bahasa ini amat penting kepada perpaduan negara.

Ketika merasmikan mesyuarat Panel Penasihat Perpaduan Negara pada 27 Mei 1991, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa "perpaduan rakyat tidak bermakna bahawa kebudayaan, agama, bahasa kaum dan suku kaum dihapuskan, tetapi adalah penting kita memiliki satu bahasa kebangsaan dan satu budaya yang teristimewa bagi bangsa dan negara ini".

Sesungguhnya komitmen kerajaan dalam usaha menjadikan bahasa kebangsaan sebagai asas pembinaan negara adalah selaras dengan pandangan Richard B Noss, seorang penyumbang dalam perancangan bahasa di Asia Tenggara, bahawa perancangan bahasa di rantau Asia Tenggara termasuk Malaysia, sama pentingnya dengan perancangan ekonomi.

Perancangan ekonomi Malaysia terangkum dalam Rancangan Pembangunan Malaysia yang dirangka setiap lima tahun, Rancangan Malaysia Pertama selepas merdeka. Perancangan Bahasa Melayu pula telah melalui tempoh hampir setengah abad dengan mengambil kira 1956 sebagai titik tolak.

Sepanjang tempoh hampir setengah abad ini, banyak kejayaan yang dicapai dalam pembangunan Bahasa Melayu. Kejayaan ini hasil daripada pelaksanaan undang-undang bahasa seperti Perlembagaan Persekutuan, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, Akta Pendidikan, Akta DBP, Undang-Undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan dan Peraturan Mahkamah.

Bahasa Melayu sama tuanya dengan bahasa Inggeris, dan keindahan bahasa Melayu usahlah dipersoalkan lagi. Bahasa Melayu seperti bahasa lain mempunyai kekuatan dan kelemahan dan jika kelemahan bahasa Melayu berjaya diatasi, maka bahasa ini dapat mengharung cabaran dan merebut peluang dengan menempatkan setanding dengan bahasa tamadun tinggi yang lain.

Kekuatan bahasa Melayu memang terserlah, bahasa Melayu kaya dan indah, dan berhasil mengungkap pemikiran agung. Ketidakupayaan bahasa Melayu mengungkap ilmu tinggi terkini dapat diatasi melalui penciptaan istilah baru, satu lagi pencapaian dalam perancangan bahasa.

Melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan yang menetapkan Bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam sektor pendidikan, dapatlah bahasa ini digunakan seluas-luasnya, dari sekolah rendah hingga ke universiti.

Dalam tempoh dua dekad kebelakangan ini, sejak bermula Pensyarikatan Malaysia pada awal 1980-an, kerajaan berusaha menarik lebih banyak pelaburan asing. Kemasukan sekian banyak pelabur asing memberi peluang

kepada perkembangan Bahasa Melayu di peringkat antarabangsa.

Dengan berkembangnya bahasa Melayu ke peringkat antarabangsa, terbukalah peluang bagi bahasa ini digunakan secara rasmi dalam rantau Asean dan di Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB).

Sehubungan ini, ditetapkan bahawa Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi Asean menjelang 2005, dan bahasa rasmi di PBB pada 2020. Bagi mencapai matlamat ini, diwujudkan Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu, dan Memorandum Persefahaman dengan institusi kebahasaan di luar negara.

Begitulah langkah yang diambil bagi merealisasikan matlamat perancangan bahasa Melayu. Dengan menjadikan Malaysia sebagai pusat perkembangan bahasa Melayu, dapatlah dikembalikan era keagungan bahasa lingua franca ini, ketika surat-menyurat antara Raja Melayu dengan pembesar Inggeris ditulis dalam bahasa Melayu.

Walau bagaimanapun, bagi memungkinkan Malaysia sebagai pusat perkembangan bahasa Melayu, bahasa kebangsaan ini mestilah kukuh di dalam negeri melalui penggunaannya seratus peratus dalam semua bidang.

Dengan kata lain, untuk membina sebuah negara yang kuat, maka bahasa kebangsaannya mestilah kuat, bukan saja di luar negara malah di dalam negeri.

Sebagaimana projek pembangunan negara, pembangunan bahasa memerlukan pemantauan, dan tugas pemantauan dilaksanakan antara lain melalui bengkel, seminar, dan konvensyen bahasa.

Konvensyen Bahasa Kebangsaan 2001 bertujuan meningkatkan kesedaran pihak berkuasa mengenai fungsi mereka dalam penegasan dasar bahasa kebangsaan dalam semua bidang untuk membina negara.

Kedua, untuk mengkaji penerimaan pengguna bahasa terhadap aspek Bahasa Melayu yang telah dihasilkan oleh perancang bahasa sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu.

Dalam konvensyen tiga hari ini, banyak kertas kerja yang akan dibentangkan, antaranya, Ucapan utama oleh ahli politik/pejuang bahasa, kertas dasar oleh Ketua Pengarah, Pelaksanaan Bahasa Melayu dalam Sektor Pendidikan, Kemajuan Pelaksanaan Bahasa Melayu dalam Pentadbiran Sektor Awam/Swasta, Pelaksanaan Bahasa Melayu di Sabah/Sarawak, Pengejaan Istilah, Kajian Aspek Tatabahasa, dan Pengaruh Komputer dalam Perkembangan Linguistik.

(END)